

12 JUN 2000
KENG YAIK-GETAH/I
MESYUARAT KERJASAMA MENGENAI GETAH DITANGGUHKAN

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Mesyuarat khas tiga pihak di antara Malaysia, Thailand dan Indonesia untuk membincang serta mengkaji nasib industri getah semasa yang dijadualkan pada 29 Jun ini telah ditangguhkan kepada awal Julai, kata Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Sementara tiada tarikh ditetapkan, Dr Lim berkata penangguhan itu adalah kerana menteri Thai yang bertanggungjawab pada komoditi tidak dapat menghadiri mesyuarat berkenaan disebabkan jadualnya yang ketat.

Dr Lim berkata demikian kepada pemberita selepas memberi taklimat kepada delegasi Vietnam yang diketuai oleh menteri luarnya, Nguyen Dy Nien yang sedang dalam rangka lawatan ke Malaysia.

Malaysia dan Thailand telah menandatangani beberapa memorandum persefahaman untuk bekerjasama dalam sektor getah sejak kedua-dua negara tersebut menarik diri dari Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (INRO).

Antara kerjasama yang digariskan, kedua-dua negara itu telah bersetuju untuk membeli simpanan INRO secara perkongsian 50:50, sebanyak 138,000 tonne pada harga AS\$43.0 juta sebagai daya usaha menghalang kejatuhan harga selanjutnya disebabkan urusan pelupusan INRO.

Bagaimanapun, dalam tempoh itu, Malaysia telah berusaha menarik Indonesia untuk menyertai kerjasama itu. Thailand, Malaysia dan Indonesia adalah pengeluar getah utama dunia, dengan menyumbangkan 80 peratus daripada jumlah bekalan getah dunia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam lawatannya awal tahun ini ke Indonesia mendapat isyarat positif dari Indonesia yang ia akan menyertai kerjasama ini.

Mesyuarat kerjasama di antara Malaysia, Thailand dan Indonesia sepatutnya diadakah pada Mei. Bagaimanapun, ia ditangguhkan kepada 29 Jun disebabkan perkembangan politik baru-baru ini di Indonesia.

-- BERNAMA
RIZ MA